

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 27 JANUARI 2017 (JUMAAT)

Pasangan kasari penguatkuasa MBSA kena 5 bulan penjara

SHAH ALAM - Mahkamah Tinggi di sini, menaikkan hukuman penjara 14 hari kepada lima bulan terhadap pasangan suami isteri yang mengasari penguatkuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), pada November 2016.

Pesuruhjaya Kehakiman Wong Teck Meng membuat keputusan itu kepada Lor Ka Hoo, 35, dan Tat Sit Fun, 30, selepas membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan diperintahkan menjalani hukuman serta-merta.

Tambahan hukuman ke atas pasangan itu kerana tempoh dua minggu tidak mencukupi untuk mencerminkan keseriusan kesalahan terbabit.

"Mereka akui halang pegawai MBSA itu daripada menjalankan tugasnya dan bersikap agresif," katanya.

Beliau berkata, pasangan itu tidak sepatutnya bertindak menggunakan kekerasan terhadap seorang pegawai penguatkuasa kerajaan.

"Mereka sepatutnya bertenang dan

membayar denda saman itu," katanya.

Mereka dipenjara 14 hari oleh Mahkamah Majistret, di sini, tahun lalu selepas mengaku bersalah atas tuduhan menggunakan kekerasan untuk menghalang pegawai penguatkuasa MBSA, Nurul Ain Isa, 23, daripada menjalankan tugasnya.

Peguam Negara, Apandi Ali dalam satu kenyataan pada 27 November lalu berkata, hukuman penjara dua minggu itu 'jelas tidak memadai' dan memfailkan rayuan balas untuk menambah hukuman itu.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.30 pagi itu, mangsa bersama seorang rakan setugas menjalankan tugas di kawasan BRP 6/11 Bukit Rahman Putra dan mengeluarkan saman ke atas sebuah kereta yang tidak mempunyai kupon bayaran letak kereta.

Bagaimanapun, tindakan itu mengundang kemarahan tertuduh dan pergaduhan membabitkan penguatkuasa berkenaan dengan pasangan itu menjadi viral selepas video berdurasi dua minit 10 saat tersebar di laman sosial.